

21/6/82 21 JUN 1982

KERAJAAN CAMPURAN LANGKAH POSITIF—DR.M

KUALA LUMPUR. Ahad — Penglibatan Malaysia menubuhkan Kerajaan Campuran anti-Vietnam di Kampuchea tidak bermakna Malaysia campur tangan dalam hal-hwal negara Kampuchea tetapi semata-mata

menolong mencari penyelesaian politik. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, langkah Malaysia itu sejajar dengan resolusi Bangsa-bangsa Beratu s u p a y a s a t u penyelesaian politik diambil untuk mengatasi pergolakan di Kam-

puchea. "Penubuhan Kerajaan Campuran anti-Vietnam di kalangan tiga kumpulan — Moulnaka, Per-tubuhan Pembebasan Kebangsaan Rakyat Kampuchea (KPRLF) dan 'Khmer Rouge' merupakan langkah positif untuk melaksanakan resolusi Bangsa-Bangsa Beratu," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusi mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat UMNO di sini. Beliau berkata, Malaysia selama ini tidak pernah mencam-

puri hal-hwal Kam-puchea tetapi ada negara lain mencampurnya. "Kita berharap masalah Kampuchea akan dapat diselesaikan. Inilah sebabnya kita berusaha bersungguh-sungguh untuk membuat sesuatu," katanya. Dalam mesyuarat tersebut Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie mencrangkan kesediaan kumpulan penentang Vietnam tersebut menandatangani perjanjian Kerajaan Campuran di Malaysia. Pemimpin Moulnaka,

Putera Norodom Sihanouk dan pemimpin Khmer Rouge, Encik Khieu Samphan akan tiba petang esok manakala pemimpin KPRLF, Encik Son Sann akan tiba malam ini. Tan Sri Ghazali menyatakan setakat pagi ini, ketiga-tiga pemimpin tersebut telah menyatakan kesediaan mereka untuk datang ke sini bagi menandatangani perjanjian. Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, penglibatan Malaysia sekadar mencari penyelesaian secara politik sahaja. "Malaysia tidak akan membekalkan senjata kepada kumpulan tersebut atau apa-apa bantuan berbentuk ketenteraan," tegas beliau. Bagaimanapun, tambahnya, Malaysia akan memberi bantuan perike-manusiaan kepada Kerajaan Campuran itu. Pemimpin tersebut akan mengunjungi Perdana Menteri dan bertukar-tukar fikiran. Mengenal penindasan Yahudi di Lebanon, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Malaysia telah menghantar derma \$100,000 kepada mangsa keganasan Yahudi tersebut. Beliau membidas keras tindakan Israel terhadap Lebanon dan menganggap Israel sebagai negara yang paling tidak bermoral di dunia.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 2861
No. Penerimaan 606/85

Mengenal penindasan Yahudi di Lebanon, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Malaysia telah menghantar derma \$100,000 kepada mangsa keganasan Yahudi tersebut. Beliau membidas keras tindakan Israel terhadap Lebanon dan menganggap Israel sebagai negara yang paling tidak bermoral di dunia.